

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

**MAKLUMBALAS LAPORAN AUDIT NEGARA TAHUN 2012
(PETIKAN AKHBAR BERITA HARIAN 02/10/2013)**

Dalam menguruskan segala pertanyaan dan teguran Jabatan Audit Negara, Kementerian Kemajuan Luar Bandar bersama Agensi yang terlibat dan Jabatan Audit Negara telah membincangkan semua isu dalam satu *Exit Conference* yang diadakan. Selain itu maklum balas secara bertulis dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara dan juga kepada Bahagian Kawalan & Pemantauan, Kementerian Kewangan. Maklum balas ini memberikan maklumat berkaitan penjelasan dan ulasan mengenai isu berbangkit serta status terkini isu termasuk penambahbaikan dan pembedahan yang telah / akan dilaksanakan. Tindakan ini merangkumi tindakan pembaikan/ pembedahan (*corrective actions*) dan juga tindakan pencegahan (*preventive actions*).

Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah dalam usaha menangani isu berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara telah mengemukakan surat mohon penjelasan terhadap perkara berbangkit khususnya yang melibatkan ketidakpatuhan terhadap pengurusan kewangan.

Selain itu, Jawatankuasa Siasatan juga turut diadakan bagi menilai isu-isu yang ada unsur ketidakpatuhan kepada pengurusan kewangan, pemborosan, pembaziran dan penyelewengan yang dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Kewangan dengan ahlinya terdiri daripada Ketua Unit Integriti, Ketua Unit Audit Dalam Kementerian, Audit Dalam Agensi berkenaan, Setiausaha Bahagian Anak Syarikat dan Pengurus program berkenaan.

Jabatan Audit Negara temui kelemahan bekal baja RISDA

Jabatan Audit Negara menemui kelemahan dalam pengurusan aktiviti pembekalan baja sebatian RISDA Baja Sdn Bhd (RBSB) kepada Pihak Berkuasa Kemaajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dalam auditnya pada Jun 2012 lalu.

Jabatan itu menyifatkan pengurusan aktiviti pembekalan baja sebatian syarikat itu sebagai memuaskan kerana ada kelemahan yang dapat diperhatikan menerusi pemerhatian dan pemeriksaan fizikal pada pengurusan pemprosesan dan penjualannya.

*Pengauditan mendapati per-

“RBSB dan RISDA perlu memantau kerja yang dilaksanakan oleh RISDA Fleet bagi memastikan baja dihantar kepada pelanggan dalam keadaan baik dan menyelesaikan masalah dengan segera.”

Kenyataan Laporan Audit Negara

janjian antara RBSB dan RISDA hendaklah dinyatakan dengan jelas skop tanggungjawab semua pihak yang terbabit dan mengenakan penalti sekiranya terma dan syarat tidak dipatuhi.

*Selain itu, RBSB dan RISDA perlu memantau kerja yang dilaksanakan oleh RISDA Fleet bagi memastikan baja dihantar kepada pelanggan dalam keadaan baik dan menyelesaikan masalah dengan segera,” kata Laporan Ketua Audit Negara 2012 yang dikeluarkan semalam.

Penemuan audit juga mendapati tiada pemantauan bagi proses pengambilan dan peng-

hantaran baja hinggalah berlaku kerosakan pada beg baja akibat pengendalian tidak teratur di kilang dan beg baja pecah ekoran keadaan fizikal lori.

Bahkan, pengauditan juga menemui kelemahan pada penghantaran baja ke stor RISDA/SMR yang tidak dikawal hingga menyebabkan RBSB lewat mengemukakan tuntutan bayaran kepada RISDA/SMR kerana menunggu nota penghantaran diterima sebelum tuntutan bayaran dibuat.

Bagaimanapun, secara keseluruhannya jabatan itu memuji prestasi kewangan, pengurusan kewangan dan takbir urus korporat yang diamalkan RBSB.

*RBSB mencatatkan prestasi kewangan 2009 hingga 2011 yang baik dengan mengambil kira aktiviti pembekalan baja sebatian hanya dimulakan pada 1 September 2009,” katanya.

PENGURUSAN RISDA BAJA SDN BERHAD

RISDA Baja secara keseluruhannya telah mengambil tindakan terhadap isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara . Antara tindakan yang diambil telah diambil:

- RISDA telah pun membuat perubahan/ tambahan syarat kepada perjanjian pembekalan di mana RISDA Fleet Sdn Bhd adalah bertanggungjawab bagi kerja pengangkutan dan penalti akan dikenakan berdasarkan kepada bidang / tanggungjawab yang terkandung dalam surat perjanjian sekiranya berlaku ketidakpatuhan kepada syarat perjanjian.
- Kerja pemantauan secara berkala dan berterusan dilaksanakan bagi mengurangkan kerosakan pada beg baja. Sehingga kini, tiada kerosakan beg baja yang dihantar ke setor dan setiap kerosakan beg baja yang dikenalpasti semasa penghantaran (jika ada) akan diganti bagi memastikan pekebun kecil menerima beg yang sempurna.
- RISDA Baja Sdn Bhd telah membuat penambahbaikan kepada *Standard Operating Procedures* sedia ada dalam proses penerimaan Nota penghantar (*Delivery Order*) dengan menambah salinan bilangan nota penghantaran dari 4 salinan kepada 5 salinan iaitu tambahan untuk Bahagian setor dan juga RISDA Fleet Sdn Bhd dikehendaki mengemukakan nota penghantaran berserta bil/invois menghantar dalam tempoh tujuh (7) hari selepas penghantaran baja.

Pengurusan SHDC lemah

» *Tiada pengalaman, kepakaran urus projek ternakan*

INFO

Pendapatan daripada aktiviti SHDC bagi tahun 2009 hingga 2011

AKTIVITI	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Perkhidmatan kawalan keselamatan	3,097,855	3,409,872	4,642,176
Perkhidmatan Pengurusan dan Perundingan	-	949,748	2,928,194
Pendapatan sewa	1,158,565	1,499,872	1,022,055
Perniagaan Am	2,798,692	229,629	942,962
Pengangkutan	956,157	4,012,172	-
Jumlah	8,011,269	10,101,194	9,535,387

Sumber: Penyata Kewangan SHDC

Pengurusan Projek Integrasi Ternakan Lembu oleh Smallholders Development Corporation Sdn Bhd (SHDC), syarikat milik RISDA didapati lemah.

Mengikut Laporan Ketua Audit Negara 2012, dalam audit yang dijalankan antara Julai hingga Ogos tahun lalu mendapati syarikat milik penuh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) itu tidak mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam mengurus projek ternakan menyebabkan projek berkenaan tidak dapat diteruskan.

Selain itu, pelantikan kontraktor bagi projek berkenaan juga bercanggah dengan peraturan perolehan syarikat.

Justeru itu, Jabatan Audit Negara mengesyorkan SHDC mengkaji strategi perniagaan bagi memastikan ia menjalankan aktiviti yang mempunyai kepakaran dan menguntungkan.

Selain itu, jabatan itu juga mencadangkan syarikat milik penuh RISDA itu menjalankan kajian daya maju terhadap kontraktor yang dilantik bagi mengurus sesuatu projek.

Jabatan Audit Negara berpendapat, SHDC perlu membuat tapisan keselamatan secara dalam talian melalui sistem bagi

memastikan pelantikan pengawal keselamatan lulus tapisan keselamatan.

Berdasarkan audit yang dijalankan mendapati semua 247 pengawal keselamatan SHDC yang diambil bekerja tidak menjalani tapisan keselamatan.

Semakan audit juga mendapati 14 daripada 247 atau 5.7 peratus pengawal keselamatan yang dilantik berumur melebihi 65 tahun, sekali gus memujuk pelantikan yang dibuat SHDC itu tidak mematuhi Pekeliling Agensi Pemandirian Bilangan 4 Tahun 2010, Kementerian Dalam Negeri yang menetapkan syarat pelantikan

pengawal keselamatan adalah berumur antara 18 hingga 65 tahun.

Jabatan Audit Negara juga mendapati syarikat milik penuh RISDA itu tidak menyediakan Latihan Asas Pengawal Keselamatan Tahap 1 kepada pengawal keselamatan.

Justeru itu, jabatan berkenaan berpendapat semua pengawal keselamatan SHDC perlu menjalani Latihan Asas Pengawal Keselamatan Tahap 1 untuk meningkatkan tahap kecekapan dalam menjalankan tugas.

Prestasi kewangan baik

Mengenai prestasi kewangan SHDC, Jabatan Audit Negara mendapati secara keseluruhannya prestasi dan kedudukan kewangan SHDC adalah baik dengan peningkatan keuntun-

gan dari 2009 hingga 2011.

SHDC mengalami kerugian pada 2007 dan 2008 dengan masing-masing berjumlah RM2.93 juta dan RM0.55 juta. Bagaimanapun, pada 2009, 2010 dan 2011, ia berjaya mencatatkan keuntungan dengan masing-masing berjumlah RM460,000, RM540,000 dan RM720,000.

Pendapatannya pula disumbangkan daripada perkhidmatan kawalan keselamatan, perniagaan am, sewa, yuran pengurusan dan perundingan.

Pada 2010, pendapatan SHDC meningkat sebanyak RM3.04 juta atau 35.6 peratus kepada RM11.57 juta berbanding RM8.53 juta pada 2009.

Bagaimanapun, pada 2011, pendapatannya merosot sebanyak 930,000 atau lapan peratus berbanding 2010.



PENGURUSAN SMALLHOLDERS DEVELOPMENT CORPORATION SDN. BERHAD (SHDC)

Dalam menguruskan projek ternakan lembu secara integrasi di ladang kelapa sawit di Ladang Ulu Tiram, Johor, RISDA telah melantik SHDC sebagai *integrator* bagi menguruskan projek yang dilaksanakan oleh Kontraktor MBA Farm Sdn Bhd dengan mengguna kandang sedia ada milik MBA Farm bagi menjimat kos pembinaan kandang. Projek integrasi ternakan lembu tidak dapat diteruskan kerana kontraktor projek iaitu MBA Farm Sdn Bhd telah menarik diri.

Dalam menyelesaikan isu yang melibatkan sejumlah RM428,440 yang telah disalurkan kepada MBA Farm, RISDA Holdings Sdn. Berhad selaku syarikat induk telah melantik firma guaman untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap MBA Farm Sdn. Berhad. Notis Tuntutan telah dikeluarkan pada 2 Ogos 2012

kepada MBA Farm Sdn. Berhad. Pendengaran kes pada 27 Mac 2013 di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam telah merekodkan Penghakiman Persetujuan ke atas jumlah tuntutan sebanyak RM520,160.00 berserta faedah pada kadar 4% setahun ke atas jumlah tuntutan dari tarikh penamatan projek sehingga ke tarikh penyelesaian penuh serta kos guaman dan perbelanjaan Peguamcara Plantif ditanggung dibayar oleh Defenden kepada SHDC.

Bagaimanapun bagi isu pelantikan kontraktor bagi projek berkenaan juga bercanggah dengan peraturan perolehan syarikat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah telah mengemukakan surat mohon penjelasan terhadap ketidakpatuhan kepada proses pengurusan kewangan daripada pihak SHDC sebelum perkara ini dibawa kepada Jawatankuasa Siasatan Terhadap LKAN. Pihak SHDC juga telah mengambil tindakan penambahbaikan dengan memastikan semua perolehan antara julat RM20,001 – RM500,000 dibuat melalui Jawatankuasa Perolehan secara sebutharga setelah julat dinaikan dengan kelulusan Lembaga Pengarah SHDC.

Mengenai isu pengawal keselamatan, SHDC telah mengambil tindakan berikut dan kedudukan setakat 30 September 2013 adalah :

- hanya terdapat seorang daripada 247 pengawal keselamatan yang berumur melebihi 65 tahun dan pengawal ini akan bersara sebelum berakhir 31 Disember 2013
- 70 orang pengawal keselamatan telah diluluskan tapisan keselamatan oleh KDN manakala 85 permohonan sedang diproses dan dijangka selesai diproses pada 31 Disember 2013

Disediakan Oleh :
Bahagian Belanjawan, Kewangan dan Akaun
KKLW
Tarikh : 7 Oktober 2013